



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

TEKNOLOGI PEMANGKIN UTAMA BANDAR MAMPAN DAN PINTAR

CYBERJAYA, 5 Julai 2022 – Dalam usaha untuk mentransformasikan sosioekonomi negara melalui Program Bandar Pintar, satu majlis pemeteraian kerjasama telah diadakan antara Pertubuhan Bandar Mampan dan Pintar Malaysia (MSCA) dengan empat (4) organisasi iaitu Malaysian Research for Technology and Innovation (MRANTI), Technology Depository Agency Berhad (TDA), Malaysia Industry Forward Association (MIFA) dan Malaysian Photovoltaic Industry Association (MPIA).

Empat (4) bidang kerjasama yang telah dikenal pasti adalah *National Technology & Innovation Sandbox (NTIS) Smart Cities Sandbox* antara MSCA dengan MRANTI, Inisiatif Bandar Pintar dan Program Kerjasama Industri (ICP) antara MSCA dengan TDA, Teknologi dan Perkongsian Pengetahuan dan Pembangunan Industri antara MSCA dengan MIFA, serta Teknologi Tenaga Boleh Diperbaharui dan Pengkongsian Pengetahuan serta Pembangunan Industri antara MSCA dengan MPIA.

Kesemua kolaborasi ini memberi penekanan terhadap kerjasama perkongsian teknologi dan pengetahuan, penyediaan nasihat teknikal dan bukan teknikal serta pembangunan industri ke arah bandar mampan dan pintar. Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) selaku sekretariat

tetap MSCA sentiasa berusaha untuk merealisasikan program Bandar Pintar ini di seluruh negara.

Majlis pemeteraian kerjasama ini telah disaksikan oleh YB Datuk Haji Ahmad Amzad bin Hashim, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Menurut YB Datuk Haji Ahmad Amzad, kesemua kerjasama ini membolehkan teknologi-teknologi baharu diuji di dalam persekitaran sebenar, selain menerima kemudahan kawal selia dan pembiayaan sebelum dibawa ke pasaran dan disebarakan ke seluruh negara.

“Saya optimis bahawa kerjasama yang dimeterai pada hari ini merupakan satu usaha yang berkesan dalam mencapai objektif untuk mengukuh penglibatan penggiat industri dan sektor kerajaan dalam merealisasikan agenda pembangunan mampan dan bandar pintar negara pada masa hadapan,” kata YB Datuk Haji Ahmad Amzad.

Tambahnya lagi, “Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menghargai dan mengalu-alukan inisiatif sebegini, selari dengan tanggungjawab Kementerian dalam memperkukuhkan peranan dan sumbangan teknologi dan inovasi terhadap agenda pembangunan mampan serta bandar pintar negara.”

Hadir sama pada majlis tersebut adalah YBrs. Dr. Raslan Ahmad, Naib Presiden Kanan MIGHT merangkap Pengerusi MSCA; YBhg. Datu Hj. Junaidi bin Haji Reduan, Datuk Bandar Kuching Utara; YBhg. Dato’ Ir Muhamad Guntor Mansor Tobeng, Timbalan Presiden MPIA; YBrs. En. Abdul Halim Bin Mohd Bisri, Naib Presiden Kanan MIGHT; YBrs. En. Khalid Yashaiya, Ketua Pegawai Strategi MRANTI; YBrs. Dr. Sharoul Jambari, Ketua Pegawai Eksekutif TDA; Ts Muhammad Didi Hendra Shah Bin Norharashid, Presiden MIFA; dan YBrs. En.

Jacob Isaac, Pengarah Urusan Fusionex Group. Majlis tersebut turut disaksikan lebih 100 orang hadirin secara fizikal dan maya.

MSCA merupakan sebuah pertubuhan yang mempunyai keahlian seramai 28 organisasi daripada sektor dan bidang yang berkaitan dengan bandar mampan dan pintar di Malaysia. Ianya merupakan sebuah platform bagi membincang dan menyelesaikan isu-isu berkaitan bandar pintar secara bersepadu melalui input daripada semua pemegang taruh dari sektor kerajaan, industri serta akademia.

Pelaksanaan konsep Bandar Pintar dicetuskan untuk memudahkan pengurusan sumber dan alam bina yang lestari dan mesra pengguna. Matlamat utama Bandar Pintar ialah untuk mewujudkan bandar yang sesuai didiami, bekerja dan beriadah dengan kualiti hidup dan kesejahteraan yang tinggi, selain berpotensi menghasilkan keuntungan kewangan.

Kepentingan menjadikan negeri-negeri di Malaysia sebagai Bandar Pintar turut diberi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), selari dengan hasrat dan tanggungjawab MOSTI dalam memperkukuhkan peranan serta sumbangan teknologi dan inovasi terhadap agenda pembangunan mampan negara.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT)

Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) berfungsi sebagai badan pemikir teknologi yang memberi nasihat strategik dalam mempromosikan pembangunan industri melalui aplikasi strategik sains dan teknologi untuk pembangunan sosioekonomi Malaysia berasaskan teknologi tinggi di negara ini. MIGHT menekankan inisiatif risikan pasaran menggunakan amalan kajian masa depan dan pandangan jauh serta metodologi untuk mengenal pasti teknologi dan peluang perniagaan. MIGHT ditadbir oleh Barisan Lembaga Pengarah, serta diterajui oleh personaliti terkemuka sektor swasta dan pegawai kanan kerajaan selaku Pengerusi Bersama. MIGHT dibina atas kekuatan perkongsian awam-swasta dengan ahli yang mewakili kedua-dua organisasi tempatan dan antarabangsa.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi:
Ani Suzila Anas di talian 012-3128642 atau ani@might.org.my
Halaman sesawang rasmi MIGHT: www.might.org.my
Halaman Twitter rasmi MIGHT www.twitter.com/mightmalaysia
Halaman Facebook: www.facebook.com/mightmalaysia

Pertubuhan Bandar Mampan & Pintar Malaysia (MSCA)

Pertubuhan Bandar Mampan & Pintar Malaysia (MSCA) merupakan sebuah pertubuhan yang diwujudkan bagi memperkasakan agenda bandar mampan dan pintar dengan matlamat menyediakan platform strategik bagi pihak berkepentingan dalam menyokong dan memaju bandar pintar dan lestari ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi. MSCA telah didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan pada 21 Jun 2021 dan antara objektif pertubuhan ini adalah untuk menyediakan kerjasama Perkongsian Awam Swasta (PPP) melibatkan pihak berkepentingan di peringkat nasional dan antarabangsa, menyelaraskan sumber dan aktiviti perniagaan melalui penggunaan teknologi secara inovatif, dan menyediakan solusi terbaik selari dengan usaha ke arah pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan agenda Bandar Pintar negara.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi:
Fatin Asmida Asman di talian 012-549 6504 atau asmida@might.org.my
Halaman sesawang rasmi MSCA: www.malaysiasca.org